



26 Ogos 2016
26 August 2016
P.U. (A) 228

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

FEDERAL GOVERNMENT GAZETTE

PERINTAH MENTERI-MENTERI KERAJAAN
PERSEKUTUAN (NO. 2) (PINDAAN) (NO. 2) 2016

*MINISTERS OF THE FEDERAL GOVERNMENT (NO. 2)
(AMENDMENT) (NO. 2) ORDER 2016*



DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA FUNGSI-FUNGSI MENTERI 1969

PERINTAH MENTERI-MENTERI KERAJAAN PERSEKUTUAN (NO. 2)
(PINDAAN) (NO. 2) 2016

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 2 Akta Fungsi-Fungsi Menteri 1969 [*Akta 2*], Yang di-Pertuan Agong membuat perintah yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Menteri-Menteri Kerajaan Persekutuan (No. 2) (Pindaan) (No. 2) 2016**.

(2) Kecuali bagi subsubperenggan 2(*a*)(ii), 2(*a*)(iii), 2(*d*)(i) dan 2(*d*)(ii), Perintah ini disifatkan telah mula berkuat kuasa pada 28 Jun 2016.

(3) Subsubperenggan 2(*a*)(ii) disifatkan telah mula berkuat kuasa pada 3 September 2015.

(4) Subsubperenggan 2(*a*)(iii) disifatkan telah mula berkuat kuasa pada 5 Jun 2016.

(5) Subsubperenggan 2(*d*)(i) disifatkan telah mula berkuat kuasa pada 9 Mei 2016.

(6) Subsubperenggan 2(*d*)(ii) disifatkan telah mula berkuat kuasa pada 5 Mei 2016.

Pindaan Jadual

2. Jadual kepada Perintah Menteri-Menteri Kerajaan Persekutuan (No. 2) 2013 [*P.U. (A) 184/2013*] dipinda—

(a) berkenaan dengan Jabatan Perdana Menteri—

- (i) dengan memotong perkataan “Dato’ Mah Siew Keong” dalam ruang “*Nama*” dan semua perkataan yang terdapat bersebelahan dengannya dalam ruang “*Gelaran dan Nama Jawatan*”;
- (ii) dengan memotong perkataan “Senator Dato’ Sri Iris Jala @ Idris Jala” dalam ruang “*Nama*” dan semua perkataan yang terdapat bersebelahan dengannya dalam ruang “*Gelaran dan Nama Jawatan*”;
- (iii) dengan memotong perkataan “Senator Dato’ Sri Abdul Wahid bin Omar” dalam ruang “*Nama*” dan semua perkataan yang terdapat bersebelahan dengannya dalam ruang “*Gelaran dan Nama Jawatan*”;
- (iv) dengan memasukkan dalam ruang “*Nama*” dan “*Gelaran dan Nama Jawatan*” selepas perkataan “Puan Hajah Nancy binti Haji Shukri” dalam ruang “*Nama*” perkataan yang berikut:

“Datuk Abd Rahman bin Dahlan	Menteri di Jabatan Perdana Menteri”; dan
---------------------------------	---

- (v) dengan memasukkan dalam ruang “*Nama*” dan “*Gelaran dan Nama Jawatan*” selepas perkataan “Senator Dato’ Dr. Asyraf Wajdi bin Dato’ Dusuki ” dalam ruang “*Nama*” perkataan yang berikut:

“Senator Dato’ Sri Devamany a/l S. Krishnasamy	Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri”;
---	--

- (b) berkenaan dengan Kementerian Kewangan—
- (i) dengan menggantikan perkataan “Dato’ Seri Haji Ahmad Husni bin Mohamad Hanadzlah” dalam ruang “*Nama*” dengan perkataan “Datuk Johari bin Abdul Ghani”;
 - (ii) dengan menggantikan perkataan “Datuk Johari bin Abdul Ghani” dalam ruang “*Nama*” dengan perkataan “Dato’ Othman bin Aziz”; dan
 - (iii) dengan menggantikan perkataan “Datuk Chua Tee Yong” dalam ruang “*Nama*” dengan perkataan “Senator Dato’ Lee Chee Leong”;
- (c) berkenaan dengan Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri dengan menggantikan perkataan “Senator Dato’ Lee Chee Leong” dalam ruang “*Nama*” dengan perkataan “Datuk Chua Tee Yong”;
- (d) berkenaan dengan Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi—
- (i) dengan memotong perkataan “Dato Sri Douglas Uggah Embas” dalam ruang “*Nama*” dan semua perkataan yang terdapat bersebelahan dengannya dalam ruang “*Gelaran dan Nama Jawatan*”;
 - (ii) dengan memotong perkataan “Datuk Noriah binti Kasnon” dalam ruang “*Nama*” dan semua perkataan yang terdapat bersebelahan dengannya dalam ruang “*Gelaran dan Nama Jawatan*”;
 - (iii) dengan memasukkan dalam ruang “*Nama*” dan “*Gelaran dan Nama Jawatan*” selepas perkataan “Dato’ Sri Dr. James Dawos Mamit” dalam ruang “*Nama*” perkataan yang berikut:

“Datuk Seri Mah Siew Keong	Menteri Perladangan dan Komoditi
-------------------------------	-------------------------------------

Datuk Datu Nasrun bin Datu Mansur	Timbalan Perusahaan Menteri Perladangan dan Komoditi”; dan
--------------------------------------	---

(iv) dengan memasukkan dalam ruang “*Perkara*” selepas perkataan “Menetapkan dan menyelaraskan piawaian-piawaian antarabangsa dan tempatan bagi komoditi utama termasuk produk dan terbitan” perkataan “Mengawal selia pembangunan penjaja dan peniaga kecil kaum Cina di seluruh negara dan Lembaga Wakaf Hindu Negeri Pulau Pinang di bawah Jabatan Perdana Menteri”;

(e) berkenaan dengan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan dengan memasukkan dalam ruang “*Nama*” dan “*Gelaran dan Nama Jawatan*” selepas perkataan “Dato’ Seri Hamzah bin Zainudin” dalam ruang “*Nama*” perkataan yang berikut:

“Dato’ Henry Sum Agong	Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan”; dan
------------------------	--

(f) berkenaan dengan Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan dengan menggantikan perkataan “Dato’ Haji Abdul Rahman bin Haji Dahlan” dalam ruang “*Nama*” dengan perkataan “Tan Sri Noh bin Haji Omar”.